

**Pusat Perhubungan Pelanggan**

**Tel** Hubungi **1 300 80 3030** pada kadar tempatan

**Talian Utama** +603 2268 3333

**Emel** customer@amassurance.com.my

**LEMBARAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Household Guard**

**NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Household Guard. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.**

**1. Apakah produk ini?**

Polisi ini memberi perlindungan komprehensif untuk kerugian atau kerosakan kepada isi kandungan rumah dan barang-barang persendirian yang disebabkan oleh:

- Kebakaran, Kilat, Petir, Kebakaran Bawah Tanah
- Letupan
- Pesawat atau Peranti Udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya
- Hentaman
- Pecahnya atau Melimpahnya Tangki, Peralatan atau Paip Air Rumah
- Kecurian, tetapi jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar dari sesebuah bangunan atau sebarang perubahan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar
- Saman dan Rompakan Bersenjata
- Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin
- Gempa Bumi, Letusan Gunung Berapi
- Banjir, tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan disebabkan oleh Penenggelaman atau Gelinciran Tanah
- Rusuhan, Mogok dan Niat Jahat

**2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Polisi ini melindungi:

- Kerugian atau Kerosakan Kepada Isi Kandungan
- Harta Yang Dipindahkan Sementara
- Kerosakan kepada Cermin Kaca
- Kemalangan Peribadi
- Harta Orang Gaji
- Sewa
- Liabiliti kepada Orang Awam

**3. Berapa banyak premium perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada jumlah diinsuranskan. Jumlah minimum diinsuranskan adalah RM30,000.00 dan premium adalah RM180.20.

Nota: Premium yang dinyatakan adalah termasuk 6% cukai perkhidmatan pada 1 September 2018.

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	Amaun
Cukai perkhidmatan	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	25% daripada premium

**5. Apakah antara terma dan syarat utama yang harus saya ketahui?**

- Kepentingan Pendedahan - MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Anda perlu memastikan harta benda anda diinsuranskan pada jumlah berpatutan dengan mengambil kira semua isi kandungan rumah and barang-barang persendirian yang dinyatakan di polisi.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh:

- Risiko perang, perang saudara dan pencerobohan;
- Risiko radioaktif dan senjata nuclear; dan
- Sebarang tindakan keganasan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan kami notis bertulis. Selepas pembatalan, kami akan mengekalkan premium mengikut \*Jadual Tempoh Pendek (seperti di bawah) bagi tempoh polisi tersebut telah berkuat kuasa dan kami akan membayar balik kepada anda bahagian yang belum tamat tempoh polisi. Sebarang premium minimum yang dibayar di bawah polisi ini tidak dikembalikan. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

**\*Jadual Tempoh Pendek**

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat kepada butiran perhubungan saya?**

Adalah penting anda memberitahu kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan diri anda untuk memastikan bahawa semua surat menyurat dapat diserahkan kepada anda pada waktu yang tepat.

**9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Insurans Empunya Rumah/IsiRumah, sila rujuk kepada risalah *infoinsurans* mengenai 'Insurans Empunya Rumah/IsiRumah' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskah salinan daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmGeneral Insurance Berhad**

Menara Shell,

No. 211, Jalan Tun Sambanthan,

50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Talian Bebas Tol : 1-300-80-3030

Emel : [customer@amassurance.com.my](mailto:customer@amassurance.com.my)

Laman Web : [www.amassurance.com.my](http://www.amassurance.com.my)

**10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan.**

Sila rujuk kepada cawangan kami yang terdekat dan ejen untuk maklumat lanjut.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 20 Disember 2019.